

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PEREMPUAN HAID DAN NIFAS MENGGUNAKAN MASJID UNTUK  
PEMBELAJARAN DAN HUKUM KANAK-KANAK DI DALAM MASJID**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Persoalan ini telah dkemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk mendapatkan pertimbangan dan pandangan, sejauhmanakah perempuan haid dan nifas boleh menggunakan masjid untuk tujuan pembelajaran atau sesuatu kepentingan keagamaan dan hukum kanak-kanak didalam masjid.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Jawatankuasa Fatwa Kali 4/98 memutuskan semua bangunan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, iaitu Masjid Negeri, Negeri Selangor adalah dihukum sebagai masjid (tempat beribadat) kecuali:

- a) Semua menara.
- b) Semua tempat wudhu', tandas dan bilik mandi.

Oleh itu, adalah sah untuk beriktikaf didalamnya dan dipelihara kesuciannya.

2.2 Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor kali 5/98 telah bersetuju supaya fatwa tentang Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam yang tekah diwartakan pada 14hb September 1995 dugunapakai semula.

**3. ASAS PERTIMBANGAN**

3.1 Persoalan mengenai sejauhmanakah perempuan haid dan nifas boleh menggunakan masjid di kemukakan memandangkan dewan serbaguna

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah seringkali digunakan untuk mengadakan pelbagai kursus dan program yang melibatkan kaum wanita.

3.2 Sehubungan dengan itu proses memakmurkan masjid dan menjaga kesucian nya, satu penjelasan yang kukuh dn jelas wajar dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa bagi mendapat pertimbangan.

3.3 Berkaitan dnegan perempuan haid atau nifas, ulama' Islam mengemukakan pelbagai pandangan. Antaranya:

3.3.1 Sabda Rasulullah s.a.w

لا أهل المسجد لحائض ولا جنب

Maksudnya : Aku tidak menghalalkan bagi orang haid atau junub memasuki masjid.

3.3.2 Golongan ulama' Syafii dan Hanbali mengharuskan bagi rang yang haid dan nifas lalu dalam masjid jika diyakini tidak mencemarkan masjid kerana masjid haram dicemari oleh najis dan kotoran lain. Juga kerana terdapat riwayat daripada Aisyah yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku:

ناوليني الخمرة من المسجد , فقلت : ((إني حائض ))

فقال : إن حيضك ليست في يدك

**Maksudnya : berikan aku sejadah (tikar) daripada masjid. Maka aku menjawab, “Aku sekarang sedang haid”. Lantas Nabi bersabda, “Sesungguhnya haid engkau bukan terletak pada tangan engkau”.**

3.4 Berkaitan dengan hukum kanak-kanak didalam masjid, berbagai pandangan ulama' dikemukakan dalam permasalahan ini. Antaranya :

3.4.1 Makruh membawa masuk kanak-kanak yang belum mumayyiz ke dalam masjid kerana ia mungkin menyebabkan kekotoran kepada masjid. Bagaimanapun ia tidak haram kerana telah sabit dalam kitab Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w membawa Umamah binti Zainab r.a dan membawanya tawaf bersama baginda di atas untanya.

3.4.2 Ini tidak menafikan hukum makruh kerana walaupun ia dilakukan oleh Rasulullah s.a.w, ia dilakukan begi menunjukkan keharusannya. Perbuatan ini lebih afdhal bagi Rasulullah kerana menjelaskan hukum itu adalah wajib. Ia diperakui oleh ulama' Hanbali tetapi hanya dibenarkan membawa kanak-kanak untuk sesuatu tujuan seperti mengajarnya dan sebagainya.

#### **4. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 29 April 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut :

**“ Jawatankuasa Fatwa kali 1/99 yang bersidang pada 29 April 1999 sebulat suara memutuskan perempuan haid dan nifas menggunakan masjid semata-mata untuk tujuan pembelajaran sahaja adalah diharuskan kerana ia mempunyai hajat iaitu untuk menuntut ilmu. Manakala membawa masuk kanak-kanak yang belum mumayyiz ke dalam masjid adalah tidak harus. Ini kerana dikhuatiri kanak-kanak tersebut akan menyebabkan kotoran pada masjid ”.**